

01/12/1997

Kereta elektrik pertama dilancar

KUALA LUMPUR, Ahad - Kenderaan elektrik pertama yang dikeluarkan Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd (Poem), yang ditunjangi Tenaga Nasional Berhad (TNB), akan dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kampus Universiti Tenaga Nasional di Bangi esok.

Pengerusi Eksekutif TNB, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata Perdana Menteri juga akan mengumumkan nama bagi kereta jenis `buggy' itu.

"Kita kini mampu menggunakan lebih 50 peratus komponen tempatan bagi keluaran pertama itu, yang dijayakan dalam masa enam bulan saja... dan ini akan ditingkatkan dari semasa ke semasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga TNB di sini, hari ini.

Beliau berkata, keluaran pertama yang disiapkan ialah 10 unit, yang akan dihantar ke Langkawi bagi menyertai Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi '97 (Lima '97).

Katanya, pelancaran oleh Dr Mahathir esok juga akan menandakan bermulanya pengeluaran secara besar-besaran kenderaan Poem yang dijangka sebanyak 500 unit pada peringkat permulaan. - Bernama

(END)